

MAHATHIR

1977

ALOR SETAR, 28 OGOS (BERNAMA) DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MERAMALKAN BAHAWA MALAYSIA AKAN MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH BESAR WELAUPUN PELABURAN ASING TIDAK BEGITU MENGGALAKKAN AKIBAT KEADAAN EKONOMI DUNIA SEKARANG INI.

MALAYSIA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, TELAH MENCATITKAN LEBIH DAGANGAN BERJUMLAH \$1,537.7 JUTA DALAM LIMA BULAN PERTAMA TAHUN INI IAITU 37 PERATUS LEBIH TINGGI DARI TEMPOH MASA YANG SAMA TAHUN LALU.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBENYATA DI JITRA, 12 BATU DARI SINI BAHAWA SUNGGUHPUN MELANCARAN KEMAJUAN YANG DICAPAI DALAM PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DALAM TAHUN PERTAMA TIDAK BEGITU MENGGALAKKAN, IA BAGAIMANAPUN TELAH MENCAPAI MATLAMAT-NYA.

ADALAH MENJADI AMALAN KERAJAAN MEMPASTIKAN BAHAWA SEMUA PROJEK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA DISUDAHKAN SEBELUM PROJEK-PROJEK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DILANCARKAN.

KERAJAAN, TAMBAHNYA, MENYEDARI BAHAWA AKAN TERDAPAT KEKURANGAN ANTARA 10 HINGGA 20 PERATUS DALAM KESELURUHAN PROJEK-PROJEK RANCANGAN LIMA TAHUN ITU. — BERSAMBUNG HM 1649

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN TIDAK MENGETAHUI SEJAUH MANA KEKURANGAN ITU SEHINGGA KAJIAN SEPARUH PENGGAL DIJALANKAN PADA PENGHUJUNG TAHUN INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PADA KESELURUHANNYA, KERAJAAN BERPUAS HATI DENGAN PERTUMBUHAN EKONOMI DI MASA-MASA LALU.

BELIAU BERHARAP PERTUMBUHAN SEUMPAMA ITU AKAN BERTERUSAN SUPAYA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA AKAN BERTAMBAH BAIK DI MASA AKAN DATANG.

TERDAHULU, TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT TERTUTUP JAWATANKUASA BARISAN NASIONAL KUBANG PASU DI RUMAH UMNO DI JITRA. —BERNAMA HM 1650